BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 05/03/56 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2040 pada hari Rabu, 28 Mei 2003

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar April 2003

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal mantap pada bulan April

Keadaan monetari kekal stabil pada bulan April. Aktiviti pinjaman bank kekal mantap dengan kelulusan pinjaman, permohonan dan pembayaran kekal pada tahap yang tinggi. Khususnya, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana meningkat sebanyak RM641 juta, iaitu berjumlah kira-kira 40% daripada jumlah peningkatan di dalam pinjaman yang belum dijelaskan yang diberi oleh institusi perbankan.

Dalam suasana di mana pemulihan ekonomi global dijangka akan lebih sederhana daripada jangkaan awal, sebagai langkah awalan, Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Campurtangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Kadar berian pinjaman (BLR) maksimum bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan seterusnya akan menurun kepada 6% dan 6.94%, daripada 6.42% dan 7.46%. Pada 27 Mei, purata kadar berian pinjaman (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan berada masing-masing pada 6% dan 6.90%. Kadar pinjaman yang rendah, beserta dengan langkah-langkah yang diumumkan dalam Pakej Strategi Baru dijangka mengukuhkan prospek pertumbuhan ekonomi. Peningkatkan pendapatan boleh guna dan pengurangan kos operasi dijangka dapat mengukuhkan keyakinan dan mendorong ekonomi negara untuk mencapai potensi pertumbuhannya.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 05/03/56 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2040 pada hari Rabu, 28 Mei 2003

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
APRIL 2003


Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal mantap pada bulan April

Keadaan monetari kekal stabil pada bulan April. Sungguhpun terdapat kebimbangan kesihatan akibat daripada sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS), aktiviti pinjaman bank kekal mantap. Kelulusan pinjaman, permohonan dan pembayaran kekal pada tahap yang tinggi. Khususnya, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana yang meningkat sebanyak RM641 juta, iaitu berjumlah kira-kira 40% daripada jumlah peningkatan di dalam pinjaman yang belum dijelaskan yang diberi oleh institusi perbankan.


Dalam suasana di mana pemulihan ekonomi global dijangka akan lebih sederhana daripada jangkaan awal, sebagai langkah awalan, Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Campurtangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Kadar berian pinjaman (BLR) maksimum bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan seterusnya akan menurun kepada 6% dan 6.94%, daripada 6.42% dan 7.46%. Pada 27 Mei, purata kadar berian pinjaman (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan berada masing-masing pada 6% dan 6.90%. Kadar pinjaman yang rendah, beserta dengan langkah-langkah yang diumumkan dalam Pakej Strategi Baru dijangka akan mengukuhkan prospek pertumbuhan ekonomi. Peningkatkan pendapatan boleh guna dan pengurangan kos operasi dijangka dapat mengukuhkan keyakinan dan mendorong ekonomi negara untuk mencapai potensi pertumbuhannya.

Kadar faedah kekal rendah, Kadar Faedah Campurtangan 3-bulan diturunkan sebanyak 50 mata asas pada 21 Mei 2003 kepada 4.5%

Pada bulan April, keadaan mudah tunai dalam pasaran wang kekal stabil. Operasi mudah tunai BNM tertumpu ke arah mengimbangi kenaikan dalam mudah tunai akibat daripada operasi Kerajaan Persekutuan dan sektor luar negara. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dimiliki oleh sistem perbankan, berada pada 93.7%.




Operasi mudah tunai BNM mengimbangi kesan kenaikan dalam mudah tunai akibat daripada operasi Kerajaan dan sektor luar negara




Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dimiliki oleh sistem perbankan berada pada 93.7%.

*Termasuk pelaburan sistem perbankan di dalam sekuriti-sekuriti hutang swasta




Kadar campurtangan diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei. Kadar faedah antara bank kekal stabil

Purata kadar pinjaman oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir bulan April kekal stabil masing-masing pada 6.51% dan 9.47% (Mac: 6.50% dan 9.49%). Purata **kadar berian-pinjaman asas (BLR)** kedua-dua institusi kekal tidak berubah pada bulan April. Pada 21 Mei, kadar faedah campur tangan 3-bulan diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Siling BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun sebanyak 42 mata asas dan 52 mata asas. Pada 27 Mei, purata BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun kepada 6% daripada 6.39%, manakala bagi syarikat kewangan menurun kepada 6.90% daripada 7.45%.




BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun pada bulan Mei disebabkan oleh penurunan Kadar Campurtangan


Pada 23 Mei, **struktur terma kadar deposit tetap** bank perdagangan berubah akibat daripada penurun dalam kadar faedah dasar.



Struktur terma deposit tetap bagi bank perdagangan menurun



...manakala bagi syarikat kewangan belum berubah



Kadar benar deposit tetap 3-bulan rendah adalah rendah sedikit pada kadar 2.20%


Prestasi Ringgit

Pada bulan April, **ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama**. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menurun berbanding dengan euro, paun sterling dan yen Jepun, masing-masing sebanyak 2.6% dan 1.2% dan 0.1%. Dolar AS menjadi lemah akibat daripada aliran keluar modal ke mata wang yang berpulangan tinggi, terutamanya euro.



Ringgit menyusut nilai pada bulan April

Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.1% - 3.5%, manakala menyusut nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 0.5%. Mata wang serantau mendapat sokongon daripada 'relief rally' pada penghujung bulan April apabila Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa penularan wabak SARs telah reda di beberapa negara. Won Korea meningkat nilai disebabkan prestasi pasaran saham yang kukuh, faktor-faktor teknikal, dan sikap yang lebih berlembut oleh Korea Utara dalam desakannya untuk mengadakan perbincangan dua-hala dengan AS berhubung konflik di Asia Utara. Dolar Singapura sebaliknya menyusut nilai berikutan spekulasi pasaran bahawa pihak berkuasa Singapura akan bersikap toleransi terhadap mata wang yang lebih lemah ekoran daripada keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan.



Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau


Sepanjang tempoh **1 – 23 Mei 2003**, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Selaras dengan pergerakan dolar AS, ringgit menyusut nilai berbanding euro sebanyak 4.8%, berbanding paun sterling sebanyak 2.3% dan berbanding yen Jepun sebanyak 1.8%. Kebimbangan terhadap kelemahan ekonomi AS menyebabkan pasaran membuat jangkaan bahawa kadar faedah AS akan diturunkan. Sebaliknya, euro menyambung arah alirannya yang meningkat, mencecah tahap tertingginya dalam tempoh empat tahun pada 21 Mei, disokong oleh pulangan yang lebih tinggi bagi aset-aset yang dinilai dalam euro berbanding aset dolar AS. Sementara itu, ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 1.8%-4.2%, sementara meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 0.5%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Apr. 2003	23 Mei 2003	% Perubahan			
				Apr. 2003	Akhir Apr. - 23 Mei 2003	Akhir-2002 - 23 Mei 2003	2 Sep. 1998 - 23 Mei 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.2231	4.4382	-2.6	-4.8	-10.3	-
Paun sterling	6.3708	6.0627	6.2045	-1.2	-2.3	-1.8	2.7
100 yen Jepun	2.7742	3.1807	3.2383	-0.1	-1.8	-1.1	-14.3
Dolar Singapura	2.1998	2.1421	2.2070	0.5	-2.9	-0.8	-0.3
100 baht Thai	9.3713	8.8692	9.0509	-0.1	-2.0	-2.7	3.5
100 peso Filipina	8.8302	7.2264	7.1925	-1.8	0.5	-0.6	22.8
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0438	0.0457	-2.5	-4.2	-7.0	-22.5
100 won Korea	0.2827	0.3130	0.3186	-3.5	-1.8	0.3	-11.3

Inflasi meningkat pada bulan April


Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), **meningkat kepada 1%** pada bulan April (Mac: 0.7%). Ini terutamanya mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi makanan, pengangkutan dan perhubungan. Kenaikan di dalam harga makanan terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan di rumah, sementara harga yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan sebahagiannya mencerminkan kenaikan ke atas sewa telefon daripada RM22 kepada RM25 mulai pertengahan Mac 2003.



Inflasi meningkat pada bulan April

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 9.8% pada bulan Mac (Februari: 13.1%), terutamanya mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat hanya sebanyak 0.9%.




Harga pengeluar terus meningkat

Bekalan wang secara luas berkembang kukuh

Pada bulan April, pertumbuhan tahunan agregat monetari secara luas, M2 dan M3 kekal kukuh masing-masing pada 5.7% dan 6.5% (5.7% dan 6.8% pada akhir bulan Mac). Sementara itu, pertumbuhan tahunan M1 pula menyederhana kepada 6.4% (8.4% pada akhir bulan Mac) disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam deposit permintaan oleh perusahaan perniagaan tempatan.

Pada bulan ini, pendorong utama dalam peningkatan M3 ialah pengembangan dalam operasi Kerajaan dan operasi luar, beserta dengan pertumbuhan kukuh dalam aktiviti pinjaman perbankan. Kesan pengembangan sebahagiannya diimbangi oleh operasi mudah tunai BNM.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Kadar pertumbuhan tahunan agregat monetari secara luas kekal kukuh pada bulan April

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Feb	Mac	Apr	Jan - Apr
M3	1.6	2.8	1.3	14.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.5	0.5	2.9	7.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.2	1.7	0.4	7.6
Operasi luar bersih [1]	0.3	-2.1	0.9	-1.2
Pengaruh lain	1.5	2.6	-3.0	-0.2

1/ sebelum penilaian semula

Pendorong utama pertumbuhan bekalan wang secara luas ialah operasi Kerajaan dan operasi luar negara, serta peningkatan dalam aktiviti pinjaman perbankan

Deposit sistem perbankan lebih tinggi pada bulan April

Jumlah **deposit** yang dikumpulkan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM572 juta atau 0.1% pada bulan April. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh individu, syarikat perniagaan dan Kerajaan Persekutuan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 5.6% pada akhir April.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Feb.	**Mac**	**Apr.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	17	325	907
Kerajaan Negeri	199	-52	132
Badan Berkanun[1/]	-1,050	214	212
Institusi Kewangan	-1,092	2,444	-3,131
Perusahaan Perniagaan	4,634	783	497
Individu	2,588	535	1,954
Jumlah	**5,296**	**4,249**	**572**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit yang lebih tinggi oleh syarikat perniagaan dan individu ...


Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Feb.	**Mac**	**Apr.**
Jenis			
Deposit tetap	2,469	4,168	960
NID	-563	2,004	-2,177
Deposit permintaan	-512	-596	-687
Deposit tabungan	464	-801	146
Perjanjian beli balik *(Repo)*	3,083	-242	926
Deposit mata wang asing	131	-396	295
Deposit SPI	-197	208	1,041
Lain-lain	421	-96	69
Jumlah	**5,296**	**4,249**	**572**

.... terutamanya dalam bentuk SPI dan deposit tetap serta repo

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi


Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan melalui pinjaman kekal tinggi


Pembiayaan kasar kepada sektor swasta oleh institusi perbankan daripada berian pinjaman dan melalui dana daripada pasaran modal berjumlah RM36.8 bilion (RM46.7 bilion pada bulan Mac). Aktiviti pinjaman oleh sistem perbankan kekal tinggi pada bulan April, dengan kelulusan dan keluaran pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 34.7% dan 3.8%. Yang terutama, kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan telah meningkat semenjak awal tahun ini, mencatatkan purata bulanan yang lebih tinggi sebanyak RM6.3 bilion dalam empat bulan pertama (purata bulanan sebanyak RM5.7 bilion pada tahun 2002). Kelulusan yang lebih tinggi diberikan kepada aktiviti perkilangan (10.1% daripada jumlah kelulusan pada bulan April); pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (9.5%) dan pembinaan (7.9%) serta perdagangan borong dan runcit (6%). Sementara itu, kelulusan kepada sektor isi rumah kekal tinggi, terutamanya untuk pembelian rumah kediaman (17.9% daripada jumlah kelulusan) dan kereta penumpang (17%).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)




Berian pinjaman bank kekal tinggi

Penunjuk Pinjaman yang telah Dinyahmusim (RM bilion)



Berdasarkan siri yang telah dinyahmusim, permohonan dan kelulusan pinjaman kekal tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih




Sebahagian besar keluaran pinjaman disalurkan kepada badan perniagaan

Jumlah pinjaman yang terkumpul mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.5 bilion selepas penurunan selama dua bulan berturut-turut berikutan keluaran pinjaman kepada sektor isi rumah yang lebih tinggi, terutamanya untuk pembelian rumah kediaman (+RM1.4 bilion) dan kereta penumpang (+RM0.6 bilion). Walau bagaimanapun, sebahagian daripadanya telah diimbangi oleh penurunan dalam pinjaman kepada sektor perniagaan disebabkan pembayaran balik daripada perusahaan perniagaan yang secara relatifnya lebih tinggi daripada keluaran pinjaman. Pada asas tahunan, pinjaman yang terkumpul terus meningkat sebanyak 3.3% pada akhir-April (3.2% pada akhir-Mac).

Pinjaman yang disalurkan kepada peniaga kecil dan sederhana meningkat sebanyak RM641 juta pada bulan April, membawa kepada peningkatan kumulatif sebanyak RM2.7 bilion untuk empat bulan pertama tahun 2003 (+RM668 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2002). Dengan itu, pinjaman yang disalurkan kepada

IKS mencakup bahagian yang lebih besar daripada jumlah pinjaman terkumpul pada 17.9% pada akhir-April (17.4% pada akhir-2002). Daripada jumlah pinjaman terkumpul yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan, ianya mencakup sebanyak 36.1% pada akhir-April (34.1% pada akhir-2002). Pada asas tahunan, pinjaman kepada IKS meningkat sebanyak 2.7% pada akhir-April (1.6% pada akhir-Mac).

Pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana




Pinjaman kepada IKS terus meningkat

Dana bersih yang lebih rendah diperolehi dari pasaran modal

Pada kadar kasar, jumlah dana yang diperolehi oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti and sekuriti hutang swasta (SHS) berjumlah RM2.4 billion dalam bulan April. Walau bagaimanapun, berikutan penebusan yang lebih (RM2.1 billion), dana bersih yang diperolehi dari sektor swasta adalah lebih rendah pada RM354.4 juta. Sementara itu, sektor awam merekodkan penebusan bersih sebanyak RM0.4 juta berikutan penebusan Bon Simpanan Malaysia.


Dana Bersih yang Diperoleh dari Pasaran Modal [1/]



Dana yang lebih tinggi diperoleh dari pasaran modal

[1/] Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Pada bulan April, **Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur** (IK BSKL) telah didagangkan dalam pasaran sempit, berikutan ketidaktentuan di Iraq dan tersebarnya wabak SARS. IK BSKL ditutup pada 31 April pada 630.37 mata (penurunan sebanyak –0.8% dari akhir Mac) berikutan terjejasnya saham-saham tertentu dari sektor pelancongan. Pasaran modal berjumlah RM476.35 billion (penurunan sebanyak -0.4% dari akhir Mac) manakala purata urus niaga harian berjumlah 152.8 juta unit (163.2 juta unit dalam bulan Mac).



IK BSKL terimbuh dalam bulan Mei


Sepanjang tiga minggu pertama bulan Mei, IK BSKL terimbuh sedikit berikutan perkembangan yang meyakinkan seperti laporan positif dari World Health Organisation (WHO) mengenai perkembangan dalam usaha mengawal SARS dan mengenai perbincangan penggabungan antara dua kumpulan perbankan di Malaysia. Sentimen di BSKL juga ditopang oleh prestasi baik pasaran AS dan pengumumam pakej langkah awalan ke arah pertumbuhan oleh Kerajaan. Sehingga 23 Mei, IK BSKL ditutup pada 650.88 mata (pengimbuhan sebanyak +3.3% dari akhir April) dengan modal pasaran yang lebih tinggi sebanyak RM493.65 billion (pengimbuhan sebanyak +3.6% dari akhir April). Purata urus niaga harian adalah sebanyak 179.78 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat pada bulan April kepada RM134.9 bilion atau AS$35.5 bilion pada 30 April 2003, disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih besar dan aliran masuk perolehan pelaburan yang stabil. Rizab meningkat lagi kepada RM138.1 bilion atau AS$36.3 bilion pada 13 Mei 2003. Kenaikan sebanyak RM3.2 bilion atau AS$0.8 bilion pada separuh pertama bulan Mei adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang

perolehan eksport yang berkekalan. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan dan sebahagiannya, pembayaran balik pinjaman luar negara oleh sektor swasta. Paras rizab adalah cukup untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh dan adalah 4.4 kali hutang luar negara jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih
(pada akhir tempoh)



Rizab antarabangsa bersih terus mencatat arah aliran yang meningkat


Sistem perbankan kekal kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah berwajaran risiko (RWCR) meningkat sedikit kepada 13.2% pada akhir April 2003. Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) berada pada 7%.


Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Feb.	Mac	Apr.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.9	10.9	11.0
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.1	13.1	13.2
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	7.4	7.0	7.0
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	31,721	30,037	30,054
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)	2	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



.. nisbah NPL bersih kekal pada 7%



....RWCR meningkat sedikit kepada 13.2%

Secara keseluruhannya, Danaharta menjangka akan mengutip pemulihan sebanyak RM29.5 bilion daripada portfolio NPLnya dengan kadar pemulihan sebanyak 56%. Kutipan pemulihan yang diterima oleh Danaharta setakat 31 Mac 2003 berjumlah RM20.3 bilion dalam bentuk tunai, pinjaman disusun semula, sekuriti dan hartanah. Baki RM9.1 bilion yang dijangka diterima masih menunggu pelaksanaan pelbagai kaedah pemulihan yang dirumus. Danaharta juga telah mengagihkan sebanyak RM12.3 bilion dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada institusi perbankan penjual dan pihak Kerajaan.

Bank Negara Malaysia
28 Mei 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Mac 2003		April 2003	
	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	43.1	5.4	42.8	4.8
M1	88.4	8.4	87.5	6.4
M2	390.7	5.7	393.3	5.7
M3	513.9	6.8	515.1	6.5
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	517.2	6.0	517.8	5.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	491.4	3.2	492.9	3.3
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	429.1	3.2	431.3	4.1
Nisbah pinjaman-deposit (%)	83.0		83.3	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	12.9	20.8	12.9	34.7
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	35.0	2.5	35.0	3.8
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	35.7	10.7	34.6	0.7
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.1		13.2	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.0		7.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	132.6		134.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.9		35.5	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.98]	
3-bulan	2.90[2.86]		2.86[2.86]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.0	0.7	104.2	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	138.5	9.8	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.1145		4.2231	
Paun Sterling	5.9898		6.0627	
Dolar Singapura	2.1523		2.1421	
100 Yen Jepun	3.1774		3.1807	
100 Baht Thai	8.8588		8.8692	
100 Peso Filipina	7.0948		7.2264	
100 Rupiah Indonesia	0.0427		0.0438	
100 Won Korea	0.3019		0.3130	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	3.036		...	
sektor swasta (RM bilion)	10.645		0.35	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	635.72		630.37	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	478.30		476.35	